



Bangsa Malaysia :
Perspektif Baru
dan Cabarannya

PENGUKUHAN
BANGSA MALAYSIA
Dan Cabarannya

KATA ALUAN

Bangsa Malaysia: Satu Harapan

Malaysia dikenali di mata dunia sebagai sebuah negara membangun yang mempunyai masyarakat majmuk yang berjaya mengekalkan kestabilan politiknya. Ramuan kejayaan ini menjadi teladan negara-negara lain terutamanya negara-negara yang berantakan meskipun tidak mempunyai masyarakat majmuk. Tragedi pembunuhan dan perang saudara tercetus sehingga melumpuhkan kegiatan ekonomi tersebut.

Bangsa Malaysia merupakan satu cita-cita murni ke arah mewujudkan sebuah negara yang stabil dan terus maju ke hadapan. Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia pernah menjelaskan bahawa Bangsa Malaysia adalah bangsa yang mampu mengenalpasti diri mereka dengan negara, bertutur dalam bahasa Malaysia dan menerima Perlembagaan Persekutuan (*"as people being able to identify themselves with the country, speak Bahasa Malaysia and accept the Federal Constitution."*)

Penjelasan Tun Dr Mahathir, mengenai Bangsa Malaysia tersebut juga harus diperkuatkan dengan asas dan dasar kebudayaan yang kuat . Sudah tentu Malaysia mempunyai Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah penting bagi sesebuah negara membangun dan yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti Malaysia. Dasar ini nanti akan dapat menjadi garis panduan dalam membentuk, mewujudkan dan mengekalkan

identiti negara di kalangan dunia antarabangsa. Identiti bangsa inilah yang juga menunjangi elemen terpenting Bangsa Malaysia sebagai sebuah bangsa yang mempunyai jatidiri yang mantap dan unik. Dengan demikian, sebagai satu proses yang berterusan, pewujudan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia akan terus berlandaskan unsur-unsur dan tiga prinsip yang ditetapkan oleh Kerajaan sebagai Dasar Kebudayaan Kebangsaan iaitu:

(i) Berteraskan kepada Kebudayaan Rakyat Asal Rantau ini .

Rantau yang merangkumi kawasan Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei, Thailand dan Kampuchea serta Kepulauan Selatan Pasifik (Polynesia, Melanesia dan Oceania) sehingga Malagasi adalah bahagian utama dari kawasan tamadun atau budaya Melayu. Rantau ini merupakan pusat pengembangan dan warisan Kebudayaan Melayu sejak zaman berzaman dan ditandai pula oleh kegemilangan dan keagungan tamadun Melayu yang berpusat di Melaka yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan antarabangsa (lingua franca). Kebudayaan serantau ini digambarkan oleh persamaan-persamaan di bidang bahasa yang berasaskan keluarga bahasa Melayu - Austronesia, kedudukan geografi, pengalaman sejarah, kekayaan alam, kesenian dan nilai-nilai keperibadiannya. Budaya melayu pada hari ini merupakan cara hidup, lambang identiti dan asas ukuran keperibadian kepada lebih 200 juta umat manusia yang menuturkan satu rumpun bahasa yang sama. Dengan yang demikian, kebudayaan rakyat asal rantau ini dalam pengertian

sempit atau luasnya kebudayaan Melayu telah dijadikan teras kepada Kebudayaan Kebangsaan. \

(ii) Unsur-unsur Kebudayaan Lain Yang Sesuai dan Wajar Diterima

Kebudayaan sebagai sesuatu yang dinamik, sentiasa berubah-ubah melalui proses penyerapan dan penyesuaian secara berterusan. Prinsip ini bertepatan dengan situasi penduduk berbilang kaum yang mewarisi pelbagai budaya. Dengan itu unsur-unsur budaya Cina, India, Arab, Barat dan lain-lain yang sesuai dan wajar diberi penimbangan dan penerimaan dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Kesesuaian penerimaan dalam penyerapan ini adalah bergantung kepada tidak wujudnya percanggahan dengan Perlembagaan dan prinsip-prinsip Rukun Negara dan kepentingan nasional serta asas-asas moral dan kerohanian sejagat pada amnya dan pada Islam sebagai agama rasmi negara khususnya.

(iii) Islam Menjadi Unsur Yang Penting Dalam Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan

Agama atau kepercayaan kepada Tuhan merupakan unsur penting dalam proses pembangunan negara serta pembentukan rakyat yang berakhlak dan berperibadi mulia. Agama Islam memberi panduan kepada manusia dalam mengimbang dan memadukan usaha bagi mengisi kehendak-kehendak emosi dan fizikal. Kerana

itu Islam patut menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan memandangkan kedudukannya sebagai agama rasmi Persekutuan. Disamping itu sememangnya wujud fakta sejarah dan nilai-nilai Islam yang telah sedia didukung oleh sebahagian besar masyarakat rantau ini.

Jelas bahawa kebudayaan yang unik dan mantap berjaya mewujudkan sebuah Bangsa Malaysia yang bersepadu dan mempunyai jatidiri yang kental.

Justeru itu, Bangsa Malaysia yang didambakan oleh semua kaum di Malaysia haruslah mempunyai ciri-ciri yang mantap. Selain itu aspek kebudayaan dan agama harus menjadi latar belakang kepada sebuah bangsa yang berpegang kuat kepada ajaran agama dan budaya. Antara ciri-ciri tersebut ialah kestabilan ekonomi, perpaduan kaum, hak asasi yang terpelihara, pemimpin yang berwibawa dan pembangunan yang stabil.

Majlis Belia Malaysia merasakan bangsa Malaysia mesti diperkukuhkan jati diri bagi menghadapi cabaran yang akan datang. Diskusi ini harus digandakan bagi membolehkan generasi muda memahami serta membuka ruang dialog agar sebarang permasalahan dapat di berikan penjelasan dan penyelesaian.

YB. Dato Shamsul Anuar Hj. Nasarah

Presiden

Majlis Belia Malaysia (MBM)

KATA ALUAN

Pembentukan Bangsa Malaysia telah banyak diperkatakan. Bangsa Malaysia terdiri daripada berbagai kaum, agama dan budaya yang berkongsi adalah suatu rahmat daripada Tuhan yang sepatutnya dihargai oleh semua. Walaupun kita mempunyai teras bangsa dalam negara ini namun kita tidak pernah mengeneipkan keperluan kaum-kaum lain. Malah konsep perkongsian kemakmuran telah berjaya membina kestabilan dan keamanan dalam negara.

Sememangnya ada negara-negara di dunia ini tidak dapat menghargai keunikan berbilang kaum, agama dan budaya dalam masyarakat mereka. Malah di Amerika Syarikat sendiri, isu masyarakat kulit hitam yang disisihkan masih belum. Ada juga di sesetengah negara apabila berlaku konflik, pembunuhan, pencabulan boleh berlaku kepada bangsa dalam masyarakat negaranya sendiri seperti yang berlaku di Bosnia Herzegovina. Fenomena ini dapat disaksikan diseluruh dunia secara jelas melalui media. Namun kita masih beruntung kerana semangat toleransi dan kepimpinan negara yang prihatin, kita masih berada dalam keadaan stabil, aman dan makmur.

Toleransi bukan lagi satu retorik dalam masyarakat Malaysia. Sebenarnya ia sudah mulai menjadi budaya yang merata dalam masyarakat. Toleransi atau bertolak ansur berlaku secara spontan apabila kita merasakan ada yang lebih utama yang perlu kita pelihara di antara kita. Kita tidak lagi terlalu sensitif dengan kehadiran rakan-rakan kaum lain dalam urusan perniagaan, pentadbiran dan

aktiviti dalam kehidupan seharian. Malah kita mulai berkongsi menikmati keistimewaan yang ada di antara kaum seperti juadah makanan.

Bersatu bukan umpama sekumpulan serigala dalam hutan, yang mengejar mangsa secara bersama, dan apabila sudah mendapat mangsanya, serigala-serigala tersebut kemudiannya itu bergaduh sesama sendiri sehinggakan akhirnya mangsa tersebut tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Semasa mengejar sesuatu matlamat kita bersatu, tetapi apabila kita sudah hampir sampai ke matlamatnya, kita mulai berpecah. Kita seharusnya mengerti bahawa dalam mengejar kemewahan dan kesenangan, kita seharusnya tidak berpecah, bergaduh sesama sendiri sehingga melalaikan kita daripada menumpukan pada kemakmuran, kestabilan dan keamanan negara.

Dalam apresiasi terhadap kestabilan, kita tidak harus lupa kepada semua pada tragedi konflik yang berlaku sejak 50 tahun negara mencapai kemerdekaan. Begitu juga keperitan dan kesusahan kepimpinan kita yang lalu memperjuangkan kemerdekaan daripada penjajah. Generasi baru belia harus diberi pengertian tentang kemerdekaan, jatidiri dan semangat patriotik. Rukun Negara dan keluhuran perlembagaan di kembalikan semangatnya. Kefahaman terhadap kontrak sosial sedia ada juga perlu dibincangkan dengan semangat patriotik yang tinggi. Yang penting ialah bagaimana kita mengadunkan formula baru dengan mengambil elemen-elemen kestabilan ini sebagai formula kejayaan bangsa Malaysia yang kuat, stabil serta maju.

Perbincangan meja bulat yang telah diadakan oleh Majlis Belia Malaysia (MBM) berharap dapat membuka ruang komunikasi dikalangan generasi belia dari berbagai kaum dan agama di negara ini. Agenda kita untuk memastikan perpaduan yang telah terjalin dapat diteruskan oleh generasi muda dengan lebih baik lagi. Sebarang isu yang berbangkit dapat dibincangkan, diselesaikan dengan cara yang terbaik. Kita mampu mengelakkan sebarang kemungkinan hasutan yang boleh merungkai persefahaman dan kesetiaan kita kepada bangsa, negara dan agama yang kita cintai.

Azizuddin Ahmad

Naib Presiden

Majlis Belia Malaysia (MBM)

Pengukuhan Bangsa Malaysia Dan Cabarannya¹

Shaharuddin Badaruddin (Prof. Madya)

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA

Pengenalan

Membentuk satu bangsa baru bukanlah mudah terutama apabila kita berhadapan dengan satu masyarakat yang mempunyai kepelbagaian dalam bentuk ras, etnik, bahasa, negeri dan sebagainya. Sudah tentu yang paling penting sekali ialah pembentukan budaya dan identiti sesuatu bangsa itu.

Sepanjang 50 tahun kemerdekaan, beberapa dasar telah diperkenalkan untuk membentuk identiti bangsa Malaysia seperti percubaan untuk mewujudkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Bahasa Kebangsaan di awal tahun 1970-an, dan di akhir-akhir ini identiti Bangsa Malaysia ini cuba dibentuk pula melalui Dasar Pendidikan Negara.

Namun yang menjadi masalah besar dalam mencapai cita-cita pembentukan identiti Malaysia itu ialah pelaksanaannya dan juga matlamat dasar yang diragui keberkesanannya. Yang pastinya kelemahan asas yang paling ketara ialah pihak-pihak tertentu tidak mempunyai *political will* untuk

¹ Dibentangkan dalam Sidang Meja Bulat Majlis Belia Malaysia di Hotel Continental, Kuala Lumpur pada 13 Februari 2007

melaksanakannya atas pertimbangan politik semasa. Isu-isu perkauman masih menjadi intipati perjuangan kelompok masing-masing untuk meraih simpati dan sokongan daripada kaum-kaum tertentu. Akhirnya identiti pembentukan bangsa Malaysia cuma menjadi fatamorgana walaupun kita telah merayakan sambutan 50 tahun kemerdekaan.

Peristilahan

Beberapa istilah penting perlu dirujuk dalam membina bangsa Malaysia. Dalam sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian etnik, istilah toleransi kerap kali digunakan. Toleransi dan kesederhanaan diselaraskan semata-mata untuk memastikan supaya semua kaum dapat hidup dengan aman dan harmoni. Namun begitu istilah toleransi ini jangan dijadikan asas untuk sesuatu kaum mengorbankan ciri-ciri kaumnya terutama dari segi agama dan bahasa.

Satu lagi istilah yang penting ialah perpaduan. Namun pengertian perpaduan selalunya dirujuk kepada kesamaan. Iaitu untuk memastikan perpaduan dicapai, maka semua kaum sepatutnya hanya mempunyai satu bangsa, satu agama dan satu bahasa. Asas untuk mempunyai satu identiti itu perlu ada, tanpa mengorbankan identiti bangsa yang lain. Perpaduan sepatutnya merujuk kepada kepelbagaian bangsa yang terdapat di dalamnya sepertimana slogan "*unity in diversity*" (perpaduan dalam kepelbagaian), yakni mengiktiraf kewujudan kepelbagaian ini.

Ciri Bangsa Malaysia Baru

Bangsa Malaysia yang utuh dan beridentiti bergantung kepada ciri-ciri yang tertentu. Apabila dilihat kepada negara yang memasuki taraf sebuah negara maju, dan juga kepada perkembangan sejarah pembentukan sesuatu tamadun, antara ciri utama bangsa tersebut adalah rakyatnya yang berjiwa merdeka dan tinggi semangat patriotismanya. Sebuah negara merdeka adalah penting dalam mengujudkan bangsa yang bertamadun, tetapi rakyatnya yang berjiwa merdeka akan meneruskan kesinambungan ketamadunan tersebut.

Prasyarat utama jiwa merdeka tersebut ialah rakyatnya harus berusaha untuk keluar dari *captive mentality* (minda hamba). Negara mungkin merdeka dari segi fizikalnya, tetapi penjajahan dalam bentuk baru terutamanya dari segi pemikiran akan hanya membantutkan kreativiti dan inovasi bangsa tersebut. Tren-tren terbaru yang berlaku di negara ini ialah bilamana rakyatnya terlalu bergantung kepada hasil kreativiti negara lain yang mempunyai budaya dan citarasa yang sangat berbeza dengan budaya negara ini. Atas nama globalisasi, budaya baru yang menyerap itu sudah tentu dengan mudah akan melemahkan jiwa rakyat yang merdeka. *Captive mentality* boleh diatasi kalau rakyat sesebuah negara mempunyai semangat patriotisma yang tinggi.

Semangat patriotisma yang tinggi boleh dipupuk kepada rakyatnya melalui

- a. Rasa sayang dan cinta kepada tanahairnya

- b. Rasa bangga dengan negaranya
- c. Kesiediaan mempertahankan negaranya daripada dicerobohi oleh musuh luaran
- d. Menjalankan tanggungjawabnya demi negara

Selain daripada itu, integriti rakyat juga memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan sebuah bangsa yang utuh. Rakyat yang tinggi sifat integriti dalam dirinya seperti jujur, amanah, bertanggungjawab dan juga bersyukur menjadi teras penting kepada kewujudan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu. Kerana itu apabila kerajaan memperkenalkan program Pelan Integriti Nasional (PIN), program itu bukan sahaja patut disokong, tetapi Majlis Belia Malaysia seharusnya menjadi penggerak kepada program yang sedemikian rupa. Program yang mencakupi pihak perkhidmatan awam dan swasta, parti politik tidak kira parti pemerintah ataupun parti pembangkang dan juga badan-badan bukan kerajaan mempunyai tanggungjawab besar dalam mendokong program yang boleh meningkatkan integriti rakyat.

Namun begitu jiwa merdeka, patriotisma yang tinggi dan kewujudan integriti yang utuh dikalangan rakyat tidak akan berjaya dicapai kalau rakyatnya tidak mempunyai budaya ilmu yang tinggi. Rakyat yang mengamalkan budaya ilmu yang tinggi dari sudut bacaannya, penyelidikannya dan juga pengamalannya akan menjadi prasyarat penting sebuah bangsa yang merdeka. Budaya ilmu adalah salah satu kriteria dalam pembentukan sebuah negara maju.

Cabaran Membina Bangsa Malaysia

Namun dalam membina bangsa Malaysia yang utuh dan bersatu padu ini, terdapat cabaran besar yang perlu ditangani secara bijaksana. Salah satu cabaran tersebut ialah isu polarisasi. Isu polarisasi kaum berasaskan kepada persepsi *bias* kaum masing-masing yang melihatnya secara negatif seringkali diakhiri dengan polemik dan perdebatan yang bukan kecil sifatnya. Antaranya seperti yang disebutkan oleh Chandra Muzaffar² ialah :

1. Persepsi Bukan Melayu Kepada Melayu :

- a. Sikap negatif terhadap bahasa Melayu. Menggunakan bahasa Melayu hanya untuk kepentingan urusan harian tanpa menghayati bahasa Melayu sebagai bahasa yang ada nilai ekonomi dan nilai penyatuan.
- b. Kurang menghayati sejarah dan latarbelakang negara ini walaupun sudah lama berada di sini.
- c. Sikap mementingkan kaum sendiri dan kurang simpati dengan kaum lain.
- d. Sikap yang menghalang pertumbuhan nilai murni atas alasan liberalisasi dan hak demokrasi.

² Chandra Muzaffar, Cabaran Membina Bangsa Malaysia, dalam Abdul Razak Omar, Pembentukan Bangsa Malaysia, Kuala Lumpur: Yayasan Nurul Yaqeen, 1996, ms 37-41

- e. Kalau hendak dibuat tambahan, sikap merasakan bahawa diri sentiasa ditindas dan merasakan bangsa mereka adalah bangsa kelas kedua di negara ini.

2. Persepsi Melayu terhadap Bukan Melayu :

- a. Masih ragu-ragu dengan kejujuran dan kesetiaan orang bukan Melayu terhadap negara ini.
- b. Tidak bersimpati dengan penderitaan dan kesengsaraan yang dialami oleh bangsa bukan Melayu
- c. Prejudis dan *stereotype* kepada golongan bukan Melayu
- d. Enggan menerima kepelbagaian bahasa, budaya dan agama yang wujud sebagai satu aset yang sangat berharga yang boleh membantu dalam membina bangsa Malaysia.

Persepsi dan *bias* ini masih menjadi isu dan polemik yang mendasari politik Malaysia sehingga kini. Seheingakan dalam waktu-waktu tertentu terutamanya sebelum waktu Pilihanraya Umum, isu-isu sensitif akan dibangkitkan semula sehingga menimbulkan keresahan kepada seluruh lapisan masyarakat. Atas dasar itulah dicadangkan penyelesaian kepada masalah ini dengan beberapa pendekatan. Antara cadangan untuk menyelesaikan masalah ini ialah melalui;

- a. Penggunaan bahasa Melayu dipertingkatkan dalam sektor swasta dan awam

- b. Penekanan kepada sejarah latarbelakang negara Malaysia supaya semua rakyat mengenali tentang evolusi pertumbuhan masyarakat Malaysia di negara ini.
- c. Keadilan sosial dijadikan asas kepada pembinaan bangsa Malaysia
- d. Keadilan sosial hanya boleh tercapai dalam satu sistem ekonomi yang tidak menekankan dan didorong kepada sifat kapitalisma yang tidak berperikemanusiaan
- e. Sistem budaya berasaskan kepada kepelbagaian (*diversity*)
- f. Kerajaan, media, badan korporat dan badan sektor ketiga bertanggungjawab untuk menghapuskan *stereotype* di kalangan masyarakat berbilang bangsa di negara ini.

Cabaran kedua dalam membina bangsa Malaysia ialah bagaimana kita harus menyegarkan dan mengukuhkan keyakinan budaya dalam masyarakat. Keyakinan Budaya (*cultural confidence*) di kalangan bangsa-bangsa Timur perlu dipupuk menerusi strategi pengakaran nilai-nilai budaya pada agama dan tradisi sendiri demi memelihara keutuhan jati diri dan keunggulan martabat bangsa.³

Pemeriksaan budaya menjadi dimensi pembangunan yang terabai. Pemimpin bangsa lazimnya gagal sebagai pembina budaya (*culture builder*). Pengabaianya dapat dilihat melalui,

- a. Pembangunan ekonomi tanpa agenda pemeraksanaan budaya

³ Siddiq Fadzil, *Pemeriksaan Budaya Demi Keunggulan Bangsa* (2007). Dalam Ahmad Mohamad Said et. Al. *Pendidikan Sebagai Wahana Pentamadunan Ummah*, Kolej Dar al-Hikmah : Selangor, pg. 187

- b. Penyediaan sarana ekonomi tanpa pembinaan mentaliti ekonomi
- c. Mengambil sains dan teknologi Barat tanpa mengintegrasikan dan mengakarkannya ke dalam budaya dan tradisi keilmuan peribumi.⁴

Di sebalik kebangkitan bangsa adalah dinamika budaya. Di kalangan bangsa-bangsa Timur telah tumbuh kesedaran jati diri sebagaimana yang diungkapkan oleh Kishore Mahbubani sebagai "cultural confidence" atau keyakinan budaya. Menyemaraknya wacana tentang nilai-nilai Asia (*Asian Values*) adalah petanda jelas keyakinan bangsa timur terhadap kekuatan nilai-nilai budaya tradisi mereka sendiri dan sekaligus membayangkan kebulatan tekad untuk membangun secara Asia.⁵

Cadangan Buat Majlis Belia Malaysia (MBM)

Imej MBM yang terbina semenjak puluhan tahun menggambarkan dirinya sebagai wajah dan citra Malaysia. Bagaimana ahli berkomunikasi antara satu dengan lain adalah satu contoh di mana rakyat harus berhubungan antara satu dengan lain. MBM seharusnya menjadikan diri mereka sebagai *culture builder* dan juga "trend setter" dalam masyarakat. Identiti bagaimana hendak dipaparkan kedalam masyarakat negara dan dunia mesti diputuskan terlebih dahulu.

⁴ Siddiq Fadhil, hal 188

⁵ *ibid*, hal. 202

Penggunaan Bahasa Kebangsaan menjadi teras kepada identiti masyarakat Malaysia.

Menyediakan satu kursus yang mempunyai kurikulum tersendiri dikhaskan kepada pembinaan masyarakat Malaysia. Kurikulum seharusnya termuat sejarah latarbelakang masyarakat, perhubungan etnik seperti yang terdapat di peringkat universiti. Kurikulum seperti itu tidak terdapat dalam kursus kepimpinan belia dan masyarakat.

Penutup

Setelah 50 tahun negara ini mencapai kemerdekaan segala masalah kecil yang melanda masyarakat sepatutnya boleh diselesaikan secara mudah. Yang penting ialah bagaimana masyarakat yang mempunyai kepelbagaian bangsa, budaya dan agama ini hidup harmoni tanpa prejudis antara satu dengan lain. Jadikan 50 tahun lalu sebagai panduan dalam membina bangsa Malaysia yang kukuh dan bersatu padu. Sudah tentu 50 tahun akan datang adalah satu tahap dimana kita boleh mewujudkan satu tamadun yang tersendiri, sesuai dengan citarasa yang ditimbulkan sendiri oleh masyarakat kita.

Bahan Rujukan

Chandra Muzafar (1996), Cabaran Membina Bangsa Malaysia, dalam Abdul Razak Omar, Pembentukan Bangsa Malaysia, Kuala Lumpur: Yayasan Nurul Yaqeen.

Siddiq Fadzil (2007), *Pemeriksaan Budaya Demi Keunggulan Bangsa*. Dalam Ahmad Mohamad Said et. Al. *Pendidikan Sebagai Wahana Pentamadunan Ummah*, Kolej Dar al-Hikmah : Selangor

Bangsa Malaysia Dalam Perspektif Baru dan Cabarannya

Sarjit S. Gill, Ph.D

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Wacana mengenai bangsa Malaysia dan pembinaannya telah sekian lama menarik perhatian pelbagai pihak khususnya selepas 1990-an. Kini wacana tersebut masih menjadi tema perbincangan masyarakat Malaysia tanpa mengira bangsa, kedudukan dan status seseorang individu. Lantaran itu, pelbagai perspektif diketengahkan mengenai bangsa Malaysia sama ada oleh ahli politik, sarjana, pelajar dan masyarakat umum. Persoalannya, sejauhmanakah masyarakat Malaysia memahami konsep dan ciri-ciri bangsa Malaysia dalam kehidupan seharian? Apakah cabaran yang bakal ditempuh oleh semua ahli masyarakat dalam usaha kita membina sebuah bangsa Malaysia yang bersatupadu? Justeru apakah strategi yang perlu diambil oleh semua pihak dalam usaha memperkasakan gagasan bangsa Malaysia menjadi satu realiti dan bukannya sandiwara politik semata-mata? Kesemua persoalan ini akan dikupas secara ilmiah dalam makalah ini.

Gagasan Bangsa Malaysia

Wacana mengenai gagasan bangsa Malaysia mendapat perhatian umum sejak kebelakangan ini. Menurut Abdul Rahman Embong (2006: 19), perdebatan secara meluas tentang bangsa Malaysia tercetus setelah mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengemukakan isu pembinaan bangsa Malaysia dalam ucapan beliau pada Majlis Perniagaan Malaysia pada 28 Februari 1991. Dalam ucapan itu yang kemudiannya dikenali sebagai Wawasan 2020, beliau menegaskan cabaran pertama dan paling asasi dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju mengikut acuan sendiri menjelang tahun 2020 ialah “membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama. Bangsa itu mestilah sejahtera, terintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok–kelompok etniknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan persamaan dan hak keadilan, dan membentuk sebuah ‘Bangsa Malaysia’ dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut” (Mahathir 1991: 3). Kenyataan ini sarat dengan mesej yang murni dalam usaha membina sebuah bangsa Malaysia yang sejahtera, bersatu padu dan berkongsi satu wawasan untuk memajukan sebuah negara bangsa.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga yakin bahawasanya usaha membina ‘Bangsa Malaysia’ mampu dicapai menjelang 2020, jika semua pihak berusaha mempereratkan lagi perpaduan, walaupun terpaksa berdepan pelbagai cabaran. Beliau turut menegaskan bahawa

permuafakatan masyarakat berbilang kaum dilihat teras pewujudan bangsa Malaysia dan semua kaum perlu menyesuaikan diri serta bergaul dengan selesa selaku rakan kongsi dalam proses pembangunan negara. Perdana Menteri menjelaskan bahawa beberapa dasar sosio-ekonomi seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pembangunan Negara (DPN), Dasar Wawasan Negara dan Dasar Sosial Negara adalah antara usaha yang menjurus kepada integrasi nasional. Beliau menegaskan lagi bahawa pendekatan “Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian’ mesti difahami, dihayati dan dipraktikkan oleh segenap lapisan masyarakat jika mahu menjadikan bangsa Malaysia satu kenyataan (*Berita Harian*, 18 November 2005).

Penekanan modal insan yang berkualiti juga perlu dijadikan acuan untuk membina sebuah bangsa Malaysia yang bersatupadu. Modal insan yang berkualiti positif merupakan individu yang tidak bersifat individualistik, akan tetapi bersifat sebahagian daripada masyarakat Malaysia, berilmu, berkeyakinan, memiliki nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, keluarga mantap, berdisiplin, dinamik, berdaya tahan tinggi, berinovasi, kreatif, sihat, bersemangat patriotik dan nasionalisme, adil, bersikap progresif, cekal, berintegrasi dan berdaya saing. Modal insan seperti yang disenaraikan tadi cukup penting kerana memiliki personaliti unggul dan masyarakat perlu mengamalkannya demi menentukan hala tuju negara pada masa hadapan.

Masyarakat Malaysia sedar bahawa menjelang tahun 2020 kelak, Malaysia harus menjadi negara yang bersatu padu, mempunyai masyarakat yang berkeyakinan, nilai moral dan etika yang kukuh, hidup secara demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil serta mempunyai penguasaan sepenuhnya terhadap ekonomi yang berdaya saing. Masyarakat Malaysia perlu memantapkan modal insan yang berkualiti murni dalam kehidupan seharian mereka demi mewujudkan satu bangsa Malaysia yang benar-benar progresif dan mementingkan keseimbangan dalam semua aspek seperti sosial, ekonomi dan politik.

Ciri-ciri Bangsa Malaysia

Wacana umum tentang bangsa Malaysia yang seperti yang diwar-warkan oleh banyak pihak jarang sekali menjelaskan ciri-ciri bangsa Malaysia. Ada beberapa ciri penting bangsa Malaysia yang sudah sekian lama dikongsi bersama namun kurang diberikan perhatian oleh kebanyakan pihak. Antaranya ciri penting yang dikongsi bersama ialah dari aspek bahasa, Rukun Negara, lagu Negaraku, bendera Jalur Gemilang, kepelbagaian sambutan perayaan, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan lain-lain. Kesemua ciri tersebut sudah sehati dan diraikan bersama dalam suasana yang aman dan damai oleh masyarakat Malaysia yang multietnik sifatnya.

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan Malaysia seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan merupakan ciri utama dalam usaha membina sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu. Ini

tidak bermakna bahawa bahasa-bahasa lain tidak penting dalam kehidupan. Malah kepelbagaian bahasa yang dipertuturkan oleh masyarakat Malaysia sebenarnya adalah tunjang kekuatan kepada negara kita. Akan tetapi, kita perlu menghormati dan menyanjung tinggi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan demi kelangsungan perpaduan kaum. Rakyat Malaysia terutama masyarakat bukan Melayu juga perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam usaha membantu Dewan Bahasa Pustaka (DBP) untuk memperkasa dan mendaulatkan bahasa Melayu demi penerusan martabat dan pembinaan bangsa Malaysia. Penulis berpendapat bahawa bahasa Melayu merupakan teras keperibadian kebangsaan hendaklah terus dipupuk dan diperkembangkan oleh semua pihak (Sarjit S. Gill 2007: 8).

Selanjutnya Rukun Negara, lagu Negaraku, bendera Jalur Gemilang, kepelbagaian sambutan perayaan, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) juga merupakan beberapa ciri penting untuk membina sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu. Mungkin selama ini kita terlepas pandang bahawa bangsa Malaysia itu sebenarnya sudah sedia ada apabila negara Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963. Sehingga hari ini kita masih menjadikan Rukun Negara sebagai tunjang untuk menyatupadukan masyarakat Malaysia. Namun kempen Rukun Negara perlu dimantapkan lagi oleh pihak berkuasa dan sepatutnya dimulakan di peringkat sekolah rendah lagi seperti yang pernah dibuat sejak tahun 1970-an.

Cabaran Pembinaan Bangsa Malaysia

Cabaran dalam membina sebuah negara bangsa pada era globalisasi dan dunia tanpa sempadan kini semakin mencabar. Usaha membina sebuah bangsa Malaysia perlu ditekankan mengikut acuan dan kerangka pemikiran masa kini. Beberapa cabaran penting telah dikenal pasti yang sebenarnya menghalang usaha pembinaan sebuah bangsa Malaysia seperti yang diidamkan oleh semua pihak. Kebanyakan cabaran ini sudahpun dibahaskan dalam pelbagai seminar dan persidangan yang menyentuh tema tentang hubungan etnik dan pembinaan bangsa Malaysia. Ada lima cabaran penting yang perlu ditangani secara bijak dalam usaha kita membina sebuah bangsa Malaysia yang bersatupadu, progresif dan berdaya saing.

Pertama, gagasan bangsa Malaysia kurang jelas sehingga melahirkan pelbagai versi yang menimbulkan ketidakfahaman berlaku dikalangan masyarakat Malaysia. Lazimnya ahli politik mempunyai banyak versi yang berbeza dengan komuniti ilmuwan. Perkara ini sudah tentu menimbulkan salah faham sehingga akhirnya membawa kekeliruan kerana ahli politik mempunyai agenda sendiri untuk dicanang di peringkat akar umbi. Oleh sebab itu, gagasan tentang bangsa Malaysia perlu dijelaskan secara mudah untuk kefahaman semua pihak.

Cabaran kedua adalah berkenaan dengan kemunduran pemahaman identiti bangsa masyarakat multi-etnik di Malaysia. Ada kumpulan yang mengamalkan semangat etnosentrisme dalam soal memperjuangkan bangsa

masing-masing. Perkara ini mungkin berlaku akibat sistem sosial yang sedia ada diwarisi daripada dasar pecah dan perintah penjajah Inggeris. Mengikut Ding (2005: 34), oleh sebab kepentingan negara adalah jauh lebih besar nilainya daripada kepentingan kumpulan etnik, keluarga dan individu, maka semua rakyat Malaysia, tidak kira agama dan etnik, mesti membuka kelopak mata dan pintu hati untuk memandang satu sama yang lain dengan kanta baru yang positif dan fikiran yang optimistik tentang persamaan yang ada pada kita dan bukannya perbezaan antara kita. Ini bermakna kita semua harus berubah dan mengubah diri sesuai dengan kehendak masa dan masyarakat: membebaskan kita daripada '*ethnocentric behaviour and feelings*', dan juga masyarakat daripada penjajahan kuasa asing.

Selanjutnya penghayatan masyarakat Malaysia tentang Wawasan 2020 khususnya sembilan cabaran juga masih belum mantap lagi. Perkara ini ternyata memberi kesan jangka panjang dalam usaha kita hendak menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri menjelang tahun 2020. Generasi muda perlu didedahkan mengenai peri pentingnya memahami dan menghayati sembilan cabaran Wawasan 2020. Cabaran ini perlu digalas semua pihak dengan penuh komited kerana kesan daripada arus globalisasi dan perkembangan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) boleh mendedahkan rakyat dengan pelbagai budaya baru yang ada antaranya tidak sesuai dengan budaya ketimuran kita. Dalam keadaan begitu, hanya jati diri dan pemahaman yang jelas tentang Wawasan 2020 dan Misi Nasional yang kukuh

dan perasaan cintakan negara mampu menjadi benteng bagi mempertahankan unsur berbentuk negatif daripada terus meresapi pemikiran belia kita.

Pemeriksaan Bangsa Malaysia

Malaysia merupakan sebuah negara yang berpluraliti tinggi. Ini merupakan suatu realiti yang tidak dapat dinafikan dan juga tidak dapat diubah. Kemajmukan negara ini telah lama wujud dan kini sifat pluralitinya semakin berkembang setelah negara ini memasuki era pasca-modern (Shamsul 1997). Semangat tinggi yang murni ditunjukkan oleh pihak kerajaan bagi membina sebuah masyarakat berintegrasi melalui pembinaan bangsa Malaysia wajar diberi perhatian oleh rakyat Malaysia terutama komuniti belia yang bakal menerajui kepimpinan negara. Namun, ada beberapa strategi dan mekanisme penting yang perlu dimantapkan dalam pengisian dan pembinaan bangsa Malaysia.

Pertama, pemahaman identiti bangsa amat perlu dalam usaha mengukuhkan lagi hubungan etnik dan mengeratkan jambatan integrasi di kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini kerana masih ramai di kalangan masyarakat kita yang tidak memahami identiti dan budaya masyarakat sekitarnya. Ketidakhahaman tersebut akhirnya menimbulkan sikap prejudis (prasangka), stereotaip, etnosentrik dan akhirnya membawa kepada diskriminasi sosial.

Pemahaman identiti bangsa di kalangan masyarakat Malaysia yang multi-etnik sifatnya cukup penting bagi membina sebuah bangsa Malaysia yang

mementingkan semangat muhibah, hormat menghormati, bekerjasama serta bertoleransi. Pemahaman identiti bangsa sesuatu kelompok masyarakat majoriti-minoriti boleh berlaku melalui interaksi sosial dan jalinan hubungan etnik yang berpanjangan di kalangan anggota komuniti tanpa sebarang perasaan negatif. Namun, cabaran yang dihadapi ke arah pembentukan masyarakat berintegrasi ialah fokus identiti bangsa yang sering ditonjolkan dalam sistem sosial semasa melalui media massa dan elektronik lebih menyentuh mengenai masyarakat Melayu, Cina dan India. Bagaimana pula dengan tahap kefahaman identiti bangsa komuniti minoriti seperti Murut, Kelabit, Rungus, Bidayuh, Penan, Orang Asli, peranakan Baba Nyonya, Gurkha, Jawi-Pekan dan Ceti. Ketidakeimbangan pemahaman identiti bangsa secara menyeluruh oleh masyarakat Malaysia secara tidak langsung telah menimbulkan 'krisis identiti' di kalangan komuniti minoriti mengenai ke arah pembentukan masyarakat berintegrasi terutama pembinaan bangsa Malaysia. Oleh itu, masyarakat Malaysia terutama komuniti belia perlu mengambil perhatian untuk mempelajari dan memahami identiti bangsa masyarakat majoriti-minoriti ke arah pembentukan masyarakat berintegrasi yang lebih erat dan berkekalan. Perkara ini penting kerana hubungan etnik di kalangan masyarakat majoriti-minoriti berlaku dalam kehidupan seharian kita secara harmoni dan perlu dimantapkan setiap masa.

Peranan media massa juga amat penting untuk menyampaikan maklumat yang mengenai gagasan bangsa Malaysia. Media massa baik media cetak dan media elektronik perlu menyampaikan maklumat dengan jelas dan tepat kepada

pembaca khususnya komuniti belia yang memerlukan akses maklumat yang cepat dan berkualiti. Media alternatif yang semakin berleluasa dan popular di kalangan belia juga perlu dipantau oleh pihak berwajib agar tidak memudaratkan pembangunan modal insan dan membina keupayaan.

Penutup

Perbincangan tentang bangsa Malaysia bukan hanya tertumpu di atas kertas semata-mata, sebaliknya perlu diterjemahkan secara berterusan dalam realiti sosial melalui interaksi sosial. Hal ini kerana melalui proses interaksi sahajalah, masyarakat boleh memahami, menghayati dan menghormati kepelbagaian kebudayaan secara ikhlas dan harmoni. Pada masa yang sama, ia akan menimbulkan satu semangat cintakan tanah air sekali gus membina sebuah bangsa Malaysia yang mementingkan hubungan perpaduan yang murni. Sambutan perayaan ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara pada 31 Ogos 2007 amat bersejarah dan sudah tentu diraikan oleh bangsa Malaysia dengan penuh warna warni demi kelangsungan kebebasan dan kemajuan negara. Semangat patriotik yang menjadi tunjang kekuatan pejuang kemerdekaan negara perlu disemai di kalangan rakyat supaya Malaysia agar terus kekal menjadi negara berdaulat dan bermartabat.

Bahan Rujukan

Abdul Rahman Embong. 2006. *Negara-bangsa: Proses dan perbahasan*. Edisi kedua. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ding, Choo Ming. 2005. Perpaduan kaum dan toleransi agama di Malaysia. *Pemikir*, Julai-September: 15-36.

Mahathir Mohamad. 1991. *Malaysia Melangkah ke Hadapan*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa & Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sarjit S. Gill. 2007. Memperkasa bahasa kebangsaan. Rencana *Berita Harian*, 23 Julai: hlm. 8.

Shamsul, A.B. 1997. The making of a "Plural" Malaysia: A brief survey. Dlm. David Y. H. Wu, Humphrey McQueen & Yamamoto, Yasushi (pnyt.), *Emerging Pluralism in Asia and the Pacific*, hlm. 67-83. The Chinese University of Hong Kong: Hong Kong Institute of Asia-Pacific Studies.

Rukun Negara dan Bangsa Malaysia⁶

Lee Yok Fee⁷

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang amat plural sifatnya. Pluraliti negara ini wujud bukan sahaja disebabkan oleh kesan penjajahan Barat di rantau ini. Pluraliti ini telah mula terbentuk sebelum kedatangan kuasa Barat ke rantau ini. Proses migrasi dalaman dan antarabangsa yang berlaku pada zaman pra-kolonial, kolonial dan pasca-kolonial menyebabkan Malaysia menjadi sebuah negara yang berbilang kaum, bahasa, agama dan budaya.

Menurut Shamsul (1997), pergerakan penduduk Dunia Melayu dari satu pulau ke pulau lain pada zaman pra-kolonial bertujuan untuk berdagang,

⁶ Hujah utama monograf ini pernah dibincangkan di Sidang Meja Bulat: Bangsa Malaysia Dalam Perspektif Baru dan Cabarannya. Anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM) di Hotel Grand Continental, 13 Feb 2007. Sebahagian tulisan ini juga diambil daripada kertas kerja yang berjudul "Rukun Negara Teras Pembinaan Modal Insan" untuk Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu III: Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang. Anjuran Institut Peradaban Melayu (IPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Hotel Legend, Kuala Lumpur, 2-3 Februari 2007.

⁷ Lee Yok Fee, Ph.D ialah seorang *Assistant Professor* Sosiologi di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia. Beliau adalah ahli Program Malim Sarjana, Institut Kajian Oksidental (IKON), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Exco Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) (2006-2008). Beliau boleh dihubungi di alamat e-mel yokfee@yahoo.com.

menyebarkan agama, mencari rezeki, mencari isteri dan berperang. Pada zaman maritim tersebut, pergerakan antara satu tempat ke tempat yang lain dalam lingkungan Kepulauan Melayu adalah bebas dan tidak disekat oleh sempadan politik. Perkara ini menyebabkan majoriti komposisi penduduk Melayu di Malaysia pada hari ini terdiri daripada keturunan Kepulauan Indonesia seperti Jawa, Banjar, Boyan, Minangkabau dan Bugis. Selain itu, terdapat juga orang Melayu yang berketurunan daripada kawasan lain seperti Patani (di Thailand).

Pada masa yang sama, terdapat juga migrasi antarabangsa atau *inter-regional* berlaku. Kedatangan bangsa lain seperti orang Arab, India dan Cina ke rantau ini adalah untuk berdagang dan hal ehwal agama. Kedatangan pedagang dan mubaligh agama telah membawa pengaruh yang kuat ke atas aspek agama, politik dan kebudayaan orang tempatan. Secara umumnya, perkara tersebut terbukti dengan perjumpaan artifak dalam kajian arkeologi di Kuala Muda, Kedah. Elemen budaya India juga boleh dilihat dalam upacara kebudayaan Melayu tradisional terutamanya upacara perkahwinan dan upacara istana, tarian tradisional Melayu tradisional seperti menora dan mak yong, serta terdapat perkataan bahasa Sanskrit dan Arab dalam bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, memang tidak dapat dinafikan bahawa penjajahan baratlah merupakan faktor utama yang menyebabkan tahap pluraliti yang tinggi di Malaysia pada hari ini. Penjajah barat terutamanya British yang datang

dengan tujuan ekonomi telah berjaya menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah tanah jajahan yang pesat membangun dalam sektor perlombongan dan peladangan. Kepesatan ekonomi ini menyebabkan permintaan tenaga buruh yang tinggi. Maka, tenaga buruh yang murah telah diimport dari Selatan India dan Selatan Cina untuk memenuhi keperluan tersebut. Pada peringkat awal kedatangan, majoriti buruh India dan Cina datang mengikut sistem kontrak yang bersifat sementara, iaitu bekerja sebagai buruh kontrak sepanjang lebih kurang lima tahun. Namun ramai juga di antara mereka memilih terus menetap di Tanah Melayu setelah tamat kontrak dan seterusnya membawa masuk saudara dan ahli keluarga mereka ke situ. Migrasi besar-besaran yang berlaku pada abad ke-18 dan ke-19 tersebut menyebabkan Tanah Melayu menjadi sebuah masyarakat majmuk. Pada masa tersebut, kebanyakan orang Melayu tinggal di kawasan luar bandar. Orang Cina pula di kawasan bandar pelabuhan, perladangan lada hitam dan perlombongan. Orang India pula majoritinya di estet perladangan getah. Struktrik kependudukan tersebut kekal sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya.

Setelah Malaya mencapai kemerdekaan pada 1957 dan bergabung dengan Sabah dan Sarawak untuk membentuk Malaysia pada 1963, komposisi penduduk negara telah bertambah kompleks dengan kepelbagaian suku kaumnya. Dalam rangka ini, Malaysia meneruskan perjalanannya untuk mencapai kemajuan dan kemakmuran. Di antara hasrat yang banyak, pembinaan bangsa Malaysia merupakan satu agenda yang penting kerana

sebagai sebuah negara baru, Malaysia ingin membentuk identiti baru yang tersendiri.

Sepanjang proses pembinaan negara, telah berlakunya beberapa peristiwa pahit seperti Peristiwa 13 Mei 1969, Peristiwa Kampung Medan 2001 dan Peristiwa Moorthy @ Muhammad Abdullah 2005. Peristiwa tersebut menghasilkan keinsafan tentang betapa pentingnya mengukuhkan permuafakatan dan persefahaman serta menjamin keadilan sosial agar perpaduan dapat dikekalkan dan dipertingkatkan. Maka, pembentukan Bangsa Malaysia tetap menjadi agenda yang mustahak dalam perancangan pembangunan negara sehingga kini dan diharap dapat tercapai menjelang 2020.

Pembentukan Bangsa Malaysia dan Cabarannya

Menurut definisi Japatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), “Bangsa Malaysia merupakan satu bangsa yang bersatu padu, mempunyai satu masa depan yang sama dan diperkongsikan, sejahtera dan bersatu padu di antara wilayah atau kumpulan etnik, hidup dalam keadaan harmoni dan berkongsi dengan cara yang sebenar dan adil.” Definisi yang disarankan oleh JPNIN tersebut sebenarnya adalah ucapan mantan Perdana Menteri Malaysia, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 1993. Ucapan beliau pada masa itu telah menyebabkan banyak reaksi diutarakan tentang apakah itu “Bangsa Malaysia”. Ada pihak menyamakannya

dengan konsep “Malaysian Malaysia” kerana bimbang kedudukan bangsa Melayu dilemahkan. Ada pihak dari keturunan Cina dan India pula melihatnya sebagai suatu perkembangan baru ke arah mengakui hak mereka sebagai rakan kongsi yang sama darjat dalam membina sebuah bangsa baru dengan identiti sepunya (Abdul Rahman Embong 2006a)

Pada hemat penulis, dalam definisi ucapan Tun Dr Mahathir pada 1993 tersebut, terdapat dua isi utama yang harus ditumpukan perhatian iaitu bersatu padu dan semangat nasionalisme. Bersatu padu dan nasionalisme adalah penting untuk mengekalkan aturan sosial (*social order*) atau kestabilan masyarakat yang menyakinkan pelabur asing. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pada masa kini, ekonomi Malaysia adalah amat bergantung kepada *Foreign Direct Investment* (FDI) dan amat terbuka dalam persaingan ekonomi antarabangsa.

Namun, untuk mencapai tahap perpaduan dan integrasi yang tinggi serta semangat nasionalisme yang tinggi di kalangan rakyat yang berbilang kaum, Malaysia tetap menghadapi cabaran. Pada pendapat penulis, cabaran utama yang sekian lama dihadapi ialah pembangunan yang belum seimbang di Malaysia.

Apakah fakta sosial yang boleh menunjukkan pembangunan negara sedang menghalu ke arah yang tidak seimbang? Fakta utama yang nyata

berlaku dalam masyarakat Malaysia ialah masalah *cultural lag*. Secara umumnya, *cultural lag* adalah satu konsep sosiologi yang digunakan untuk merujuk kepada keadaan di mana perkembangan atau perubahan budaya material (*material culture*) yang lebih maju dan perkembangan budaya bukan material (*nonmaterial culture*) ketinggalan (Henslin 2005: 58-59). Dalam konteks pembangunan negara, penyediaan kemudahan *hardware* atau material adalah jauh lebih maju jika dibandingkan dengan perkembangan *software* atau *nonmaterial* (Abdul Rahman 2006).

Kemampuan ekonomi semakin meningkat di kalangan rakyat sementara Malaysia mencapai pembangunan ekonomi yang lebih baik. Perkembangan sains dan teknologi yang semakin canggih membolehkan rakyat menikmati penggunaan barangan elektrik yang moden terutama alat komunikasi dan media. Kini, pengaruh negatif dari media dan alat komunikasi menjadi semakin ketara setelah penggunaan internet diperkenalkan pada dekad yang lalu. Di bawah inovasi baru yang canggih ini, ruang sosial tidak lagi mempunyai sempadan (*borderless*). Maklumat atau informasi memenuhi ruang tanpa kawalan dan pemantauan yang berkesan. Segala maklumat yang terdapat di dalam internet sama ada yang baik atau yang buruk boleh dilihat dan dibaca sekiranya seseorang itu mempunyai akses kepadanya. Sehingga hari ini, Malaysia belum lagi mempunyai mekanisme yang berkesan untuk mengawal maklumat internet. Masalah utama yang boleh ditimbulkan oleh internet ialah penghantaran maklumat yang tidak benar atau bersifat rasisme. Gambar, berita, mahupun

jenaka yang diedarkan melalui emel sentiasa membawa mesej yang tidak benar dan ekstrem terhadap sesuatu kaum dari segi budaya dan agama.

Selain daripada penyampaian nilai yang negatif, teknologi yang canggih seperti kemudahan penghantaran maklumat melalui emel dan *Short Message Service* (SMS) juga tidak digunakan dengan betul. Kemudahan tersebut yang sepatutnya merupakan satu inovasi yang amat berguna dalam komunikasi kehidupan moden turut sering disalahgunakan sehingga menimbulkan masalah yang boleh membahayakan keharmonian masyarakat. Contohnya, pada awal bulan November 2006, timbulnya isu penghantaran SMS yang membangkitkan kacau bilau di masyarakat Ipoh, iaitu terdapat mesej palsu yang mengatakan seramai 600 orang pelajar Muslim di Politeknik Ungku Omar akan menjalankan upacara pembaptisan Kristian di Gereja *Our Lady of Lourdes*. Khabar angin seperti itu bukan perkara yang baru, kerana pada tahun 1998 terdapat pengedaran maklumat palsu tentang pemberontakan bersenjata orang Indonesia di Chow Kit. Penyalahgunaan alat komunikasi seperti ini boleh mengganggu ketenteraman masyarakat, menjejaskan ikatan antara rakyat dan seterusnya mengancam industri pelancongan negara.

Pembangunan negara yang hanya menumpukan sains dan teknologi (S&T) boleh menyebabkan masalah akibat *cultural lag* seperti yang dibincangkan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa dalam konteks globalisasi, pembangunan dari segi S&T adalah penting untuk ekonomi negara, tetapi aspek

penyelidikan sosial juga harus dipentingkan supaya pembangunan negara yang seimbang boleh diteliti dan dijamin tercapai. Namun, pada hakikatnya, pembangunan sains sosial semakin diabaikan.

Dalam ucapan dasar Persidangan Antarabangsa Kajian Malaysia Ke-5 (MSC5) yang disampaikan oleh Shamsul Amri Baharuddin pada Ogos 2006, beliau telah menimbulkan satu fakta yang harus kita pertimbangkan. Perkara yang meruncing tersebut ialah peruntukan bantuan penyelidikan sosial telah dikurangkan dan semakin diketepikan. Menurut beliau, pada dekad yang lepas, kurang daripada 10% daripada jumlah peruntukan kewangan (lebih kurang satu bilion ringgit) diagihkan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains sosial. Lebih daripada 90% adalah untuk bidang S&T. Walhal ahli sains sosial turut dikategori bersama-sama ahli sains tabii lain sebagai “*scientists*” di bawah Majlis Sains Kebangsaan Malaysia (*Malaysian National Science Council*).

Selain daripada itu, untuk melahirkan tenaga kerja yang mempunyai minda kelas pertama, berpengetahuan, kreatif dan berinovasi, pendidikan merupakan agen utama yang memainkan peranan penting dalam sistem transformasi. Namun pada hakikatnya, untuk memenuhi keperluan pembangunan ekonomi negara, iaitu berubah dari P-ekonomi ke K-ekonomi dan menyelesaikan masalah pengangguran, reka bentuk pendidikan semakin menuju ke arah yang mengutamakan pasaran (*market driven*). Dalam suasana pembangunan yang mengutamakan pasaran, muncul persoalan bahawa apakah

pendidikan lebih memainkan peranan untuk meningkatkan kelayakan sijil (*credential*) atau untuk mendidik seseorang insan secara holistik?

Generasi muda pada masa kini berhasrat masuk ke universiti dengan minda yang *calculative*. Mereka lebih berminat masuk ke jurusan yang boleh mendatangkan pulangan kewangan yang lebih lumayan secara relatif. Mentaliti seperti ini turut menyebabkan matlamat utama penglibatan mereka dalam pendidikan hanyalah untuk mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan supaya keputusan PNGK (CGPA) yang lebih baik. Mereka juga hanya menumpukan kepada mata pelajaran yang berkaitan langsung dengan jurusan profesional mereka dan menyumbang kepada PNGK sahaja. Bahkan malangnya trend ini turut disambut oleh pihak institusi pendidikan tinggi, tidak kira di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) atau swasta (IPTS).

Malahan, dalam sistem pendidikan peringkat tinggi di Malaysia, mata pelajaran yang penting untuk melatih pemikiran dan minda pelajar supaya boleh berfikir secara kritis dan bernas, iaitu disiplin falsafah belum lagi dipentingkan dan dimantapkan. Bahkan, tiada satu pun universiti di Malaysia menubuhkan fakulti dan pusat untuk mengkaji disiplin tersebut dengan mendalam dan secara keseluruhan. Apa yang ada pada masa sekarang ialah pengetahuan falsafah dicantumkan dalam satu atau dua mata pelajaran untuk sesuatu kursus. Pada pendapat penulis, ini adalah tidak mencukupi untuk melatih minda para pelajar yang bakal menyumbang tenaga ke pasaran tempatan dan global.

Maka, jika dilihat dari aspek pembangunan, pemimpin dan pembuat dasar negara memang sedar akan ketidakseimbangan dalam pembangunan negara. Matlamat negara kita untuk mencapai taraf negara maju pada tahun 2020 telah mengenalpastikan sembilan cabaran yang harus ditangani. Antara cabaran tersebut, didapati lapan daripada sembilan cabaran bersifat budaya, politik dan sosial, hanyalah cabaran ke sembilan berkaitan dengan ekonomi. Penekanan tersebut menunjukkan bahawa pembangunan yang seimbang harus dicapai pada kedua-dua aspek *material* dan *non-material*. Penekanan tersebut juga membuktikan bahawa pembangunan dari segi *non-material* adalah amat kekurangan dalam proses pembangunan negara pada hari ini. Namun, dari segi pelaksanaan dasar Wawasan 2020, kerajaan hanya mengutamakan ekonomi dan S&T kerana kekayaan dan tuntutan pasaran.

Kesan Penumpuan Pembangunan yang Tidak Seimbang

Secara umumnya, akibat penekanan pembangunan yang tidak seimbang menyebabkan munculnya sikap materialisme dan hedonisme secara agresif dalam kehidupan masyarakat kini. Pegangan materialisme melihat aspek material (kebendaan) adalah lebih penting daripada aspek sosial dan kerohanian (*spiritual*). Secara ringkas, manusia terlalu taksib dengan keduniaan sehingga hubungan sosial dieksploitasikan sebagai alat (*means*) untuk mendapatkan kebendaan tetapi bukan matlamat untuk mencapai kehidupan harmoni dan bersepadu. Sikap ini juga menyebabkan manusia menumpukan segala

perhatian kepada aspek kekayaan atau kemewahan, iaitu memiliki segala kebendaan merupakan matlamat hidup manusia sehingga mengabaikan prinsip asas termaktub dalam ajaran asas (*fundamental*) agama masing-masing dan hubungan antara manusia yang murni.

Materialisme turut menyebabkan pandangan dunia kehidupan masyarakat moden mementingkan hedonisme. Konsep ini merupakan satu pegangan atau doktrin bahawa kebahagiaan (*happiness*) merupakan matlamat sebenar (akhir) dalam kehidupan manusia dan masyarakat. Manusia mulai mencari keseronokan dan kebahagiaan dalam setiap aspek kehidupan sehingga mengabaikan ajaran asas agama dan bersikap individualistik. Pemikiran dan corak kehidupan hedonisme bukan hanya menyumbang kepada berlakunya “krisis identiti” malah memberi kesan kepada tujuan sebenar kehidupan mereka, seperti membuat kebajikan dan membantu keluarga serta masyarakat tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama.

Gejala sosial dan sistem nilai yang dibincangkan di atas telah merosakkan perhubungan yang erat di antara individu. Fokus dan tumpuan manusia dalam kehidupan mereka hanya terhadap diri sendiri dan tidak lagi mementingkan perasaan orang di sekitar selagi mereka boleh mencapai matlamat individu dalam kehidupan. Rasa cinta terhadap individu lain mahupun mereka yang mempunyai hubungan persanakan rapat telah semakin merosot. Apatah lagi

rasa penerimaan dan percintaan terhadap orang di luar keluarga, mahupun bangsa lain yang berlainan warna kulit, bahasa dan agama.

Maka, memandangkan kesan yang dibawa oleh pembangunan yang tidak seimbang, perkara tersebut tidak harus diabaikan tetapi amat perlu ditangani dengan teliti. Pada kebelakangan ini, setelah peralihan kuasa pentadbiran negara kepada YAB Datuk Seri Abdullah Badawi, pelbagai program dan dasar seperti Dasar Sosial Negara, Pelan Integriti Nasional dan Institut Integriti Malaysia, Misi Nasional dalam RMK-9 telah dilaksanakan untuk menangani kesemua cabaran dalam Wawasan 2020 secara keseluruhan supaya akhirnya berjaya membentuk Bangsa Malaysia, suatu identiti nasional yang harus dimiliki oleh semua rakyat Malaysia. Pada hemat penulis, Rukun Negara yang digubalkan pada tahun 1969 harus ditekan semula sebagai dasar dan teras demi tujuan tersebut.

Rukun Negara Teras Pembentukan Bangsa Malaysia

Secara umumnya, setelah ideologi negara, iaitu Rukun Negara digubal pada tahun 1969, ia telah disampaikan kepada rakyat Malaysia, terutamanya generasi muda melalui pendidikan dan media massa. Pelajar di sekolah dipastikan boleh menghafal lima prinsip Rukun Negara dan berikrar untuk mematuhiinya sebelum memulakan aktiviti pelajaran harian dan semasa perhimpunan mingguan. Rukun Negara dipaparkan di pelbagai medium seperti di muka belakang buku latihan

sekolah, poster di dinding pejabat dan juga di tembok bangunan awam dan swasta. Selain itu, ia juga digubah dalam bentuk lagu untuk mempopularkan peri penting dan manfaat mematuhi.

Namun, sejauh manakah rakyat Malaysia betul-betul boleh memahami dan menikmati ideologi negara yang murni tersebut? Penghafalan Rukun Negara adalah tidak mencukupi. Lebih-lebih lagi, penghafalan pelajar adalah tidak lengkap dan boleh mengelirukan. Pada pengetahuan dan pengalaman penulis, penghafalan Rukun Negara semasa di sekolah bermula dengan bahagian tengah intisarinya, iaitu bermula dengan bahagian "Maka kami rakyat Malaysia berikrar akan mencapai cita-cita tersebut..." dan seterusnya lima prinsip Rukun Negara. Penghafalan yang bermula dengan bahagian tersebut menyebabkan pelajar tidak tahu atau tidak ingat apakah tujuan utama Rukun Negara dan cita-cita yang ingin dicapai.

Di samping itu, maksud lima prinsip Rukun Negara juga tidak diterangkan dengan jelas. Mata pelajaran yang memainkan peranan penting dalam menyampaikan pengetahuan tersebut seperti Sivik atau Tata Rakyat sentiasa diabaikan dalam kurikulum sekolah. Hal tersebut disebabkan pihak pelajar dan juga sekolah lebih mementingkan subjek yang menyumbang kepada keputusan dalam peperiksaan utama seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Perkara ini menyebabkan penghafalan Rukun Negara dan berikrar di perhimpunan awam

hanyalah satu kewajipan sebagai rakyat dan ritual yang tidak bermakna. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa ideologi negara yang ideal ini belum lagi disemai dengan betul dan turut tidak berakar dan berkembang di kalangan rakyat Malaysia.

Memang penggubalan Rukun Negara adalah akibat Peristiwa 13 Mei 1969 dan bertujuan untuk memupuk perpaduan dan semangat nasionalisme rakyat Malaysia. Namun, pada hemat penulis, Rukun Negara sudah sekian diabaikan dan dilupai oleh kebanyakan pihak. Maka, Rukun Negara seharusnya dibangkit semula dan dijadikan teras utama untuk pembentukan Bangsa Malaysia. Rukun Negara merupakan satu ideologi yang penting kerana ia merangkumi aspek penting kehidupan seseorang insan dalam masyarakat terutama dari segi perpaduan, keadilan, demokrasi dan kebebasan. Reka bentuknya sesuai untuk semua kumpulan etnik dan setiap lapisan dalam masyarakat.

Secara umumnya, prinsip Rukun Negara memberi panduan kepada rakyat dalam setiap aspek kehidupan seperti sosial, ekonomi dan politik. Menurut Nazaruddin Hj. Mohd Jali (et. al. 2003), lima prinsip Rukun Negara menjelaskan tingkat-tingkat tanggungjawab rakyat Malaysia yang sebenarnya dibendung oleh tuntutan daripada pelbagai tahap autoriti, iaitu daripada Tuhan pada peringkat alam semesta sehinggalah di peringkat diri sendiri sebagai individu yang bertanggungjawab kepada diri sendiri.

Prinsip pertama, iaitu kepercayaan kepada tuhan menekankan tanggungjawab individu sebagai makhluk tuhan dan harus mematuhi ajaran agama. Walaupun tidak semua agama di Malaysia mempunyai konsep tuhan dalam doktrinnya, namun melalui ikatan keagamaan, manusia memahami apakah itu dosa dan pahala dan akibat jika melakukannya, menyedari tentang doa dan usaha serta mengetahui tentang hal hidup-mati. Melalui ajaran agama, manusia menyedari bahawa mereka seharusnya bertimbang rasa, bersyukur, berkeyakinan dan bersikap sederhana dalam hidup. Nilai-nilai murni dalam ajaran agama tersebut mengarah kepada pembentukan kehidupan yang harmoni.

Prinsip kedua, iaitu kesetiaan kepada raja dan negara menekankan tanggungjawab manusia sebagai rakyat kepada negara supaya mencintai dan melindungi Malaysia. Prinsip ini mementingkan kesetiaan rakyat kepada ketua negara dan negeri yang menjadi simbol kedaulatan negara dan lambang tumpuan taat setia. Dengan memahami prinsip ini, rakyat akan menjadi insan yang bertanggungjawab, patriotik dan sanggup berkorban serta menyumbang masa dan tenaganya untuk negara demi keamanan dan kemajuan. Dengan itu, sekaligus ia menghindar perasaan prejudis perkauman kerana ada perkongsian nilai, iaitu mengutamakan kebaikan masyarakat dan negara.

Prinsip ketiga, iaitu keluhuran perlembagaan yang menekankan tanggungjawab insan masyarakat sebagai warganegara demokrasi berperlembagaan. Penekanan prinsip ini adalah supaya rakyat dapat menerima, mematuhi dan mempertahankan kemuliaan Perlembagaan Negara kerana perlembagaan berfungsi memberi perlindungan dan hak kepada setiap anggota masyarakat tanpa kira bangsa dan agama. Perlembagaan merupakan kontrak sosial di antara semua kaum yang sama-sama berpeluang menyumbang terhadap penggubalannya. Antara aspek utama dalam perlembagaan yang perlu dipatuhi ialah konsep raja berperlembagaan, kedudukan Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam pembangunan sosioekonomi terjamin, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di samping perkembangan bahasa lain tidak dihalang, agama Islam sebagai agama rasmi di samping kebebasan beragama diamalkan, hak asasi rakyat terjamin, hak kerakyatan dan sistem pemerintahan. Sekiranya semua pihak mematuhi Perlembagaan Negara ini, dipercayai masalah hubungan etnik yang bakal mengancam ketenteraman negara dapat diselesaikan.

Prinsip keempat, iaitu kedaulatan undang-undang yang menekan tanggungjawab insan sebagai ahli masyarakat madani seharusnya mematuhi undang-undang dan peraturan. Undang-undang mempunyai kedudukan tinggi dan tidak boleh dipersendakan. Sebaliknya, ia mesti dihormati dan dipatuhi. Undang-undang memastikan setiap individu di dalam negara ini terjamin kebebasan asasi mereka. Setiap rakyat adalah sama tarafnya dari segi undang-

undang dan tertakluk kepadanya. Oleh itu, kedaulatan undang-undang perlu dipertahankan bagi menjamin fungsinya untuk melindungi rakyat dari segi keadilan sosial.

Prinsip yang terakhir, iaitu kesopanan dan kesusilaan bertujuan memupuk sahsiah mulia agar setiap rakyat bersopan dan beradab, bermaruah serta tertib dan bersusila yang bermaksud berakhlak dan berhemah mulia. Prinsip ini menekankan peranan insan sebagai individu yang bertanggungjawab. Prinsip ini juga mementingkan perkembangan personaliti dan tingkah laku seseorang dalam hubungan antara perseorangan. Sebagai manusia yang berbudaya, hendaklah sentiasa tertib dan mengikut peraturan serta berakhlak dan berhemah tinggi. Sifat mulia ini bermula dengan diri sendiri. Berdisiplin dan hormat kepada diri sendiri menjadi asas bagi hubungan yang baik dengan orang lain. Hubungan baik juga boleh terjamin sekiranya rakyat sentiasa berakhlak mulia, menghormati orang lain, mengelakkan diri daripada menyentuh hal yang sensitif dan perkara yang telah dipersetujui majoriti.

Nilai yang murni dalam setiap prinsip Rukun Negara harus dijadikan teras pembentukan Bangsa Malaysia. Seperti yang disarankan oleh Abdul Rahman Embong (2006), kemahiran yang tinggi dan pengetahuan yang banyak tidak semestinya dapat menjamin seseorang rakyat menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat. Bahkan kita sering membaca dan mengetahui bahawa orang yang berpendidikan dan

berpengetahuan boleh menjadi perosak masyarakat, penjenayah, perasuah, penipu serta manusia yang rakus dan angkuh. Dia juga boleh menjadi seorang yang sempit pandangannya, buruk prasangka, tidak jujur, dan tidak toleran terhadap pandangan orang lain dan tidak bertanggungjawab. Nilai dan sikap yang murni seperti yang terdapat dalam ideologi negara kita adalah penting untuk membentuk rakyat Malaysia yang bersatu padu dan mempunyai sikap nasionalisme yang tinggi. Tanpa set nilai tersebut, ilmu pengetahuan dan kemahiran tidak semestinya mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan negara.

Penutup

Rukun Negara harus dihidupkan kembali dan bukan setakat diperkenalkan kepada rakyat pada tahap yang dangkal (superficial) sahaja. Penghafalan yang tidak lengkap tanpa pemahaman dan konviksi yang mendalam tidak dapat memastikan ia dimiliki oleh setiap rakyat dalam negara ini. Tahap penerimaan dan peringkatan pemahaman di kalangan masyarakat segenap lapisan, keberkesanan alat dan agen yang digunakan untuk menyebarkan ideologi tersebut harus sentiasa dimantau dan diselidik supaya memastikan prinsip Rukun Negara tersemam secara mendalam dan tersebar luas kepada semua rakyat negara. Pembentukan Bangsa Malaysia seharusnya berteraskan Rukun Negara. Pemahaman secara mendalam dan pemilikan ideologi tersebut sebagai

panduan dalam kehidupan adalah amat penting untuk setiap individu dalam masyarakat Malaysia.

Bahan Rujukan

Abdul Rahman Embong. 2006a. *Negara-bangsa: proses dan perbahasan* (edisi ke-2). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Rahman Embong. 2006b. Pembangunan indan dalam agenda pembangunan negara. Kertas Plenari Seminar Kebangsaan “Psikologi Pembangunan Komuniti ISM-UKM – Pendekatan Psikologi Dalam Pemerkasaan Pembangunan Komuniti”, Hotel Renaissance, Kuala Lumpur, 20-21 Disember.

Henslin, J.M. 2005. *Sociology: a down to earth approach* (edisi ke-7). Boston: Allyn and Bacon.

Nazaruddin Hj. Mohd Jali (et. al.). 2003. *Pengajian Malaysia: kenegaraan dan kewarganegaraan* (Edisi ke-2). Petaling Jaya: Prentice Hall.

Shamsul, A.B. 1997. The making of a 'plural' Malaysia: a brief survey. Dlm. D.Y.U. Wu, H. MacQueen & Yamamoto Y (pnyt.) *Emerging pluralism in*

Asia and the Pacific, pg 67-83. Hong Kong: The Chinese University of Hong Kong.

Shamsul, A.B. 2006. Reshaping social science in Malaysia: some ideas and action plans. Ucap utama The 5th International Malaysian Studies Conference (MSC5). “‘After Development’ in Malaysia: Reflections on The Development Agenda And The Future”. Universiti Putra Malaysia, Serdang, 8-10 Ogos.